

18/08/1997

Fauzi ucap terima kasih

KUANTAN, Ahad - Bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Fauzi Abdul Rahman yang dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), semalam, berterima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana diberi kepercayaan memegang jawatan itu.

Beliau turut terharu kerana dipilih di kalangan barisan Setiausaha Parlimen yang berkemampuan dan berkualiti.

"Saya bersyukur kepada Allah SWT serta bangga dapat kepercayaan daripada seorang tokoh yang dihormati dunia.

"Sambil gembira dapat bersama Perdana Menteri di JPM, ada kekhuatiran pada diri saya jika amanah yang diharapkan itu tidak dapat disempurnakan dengan baik.

"Bagaimanapun, pelantikan itu adalah satu amanah yang harus ditunaikan sebaik mungkin dengan menjadi seorang team player yang baik," katanya, dalam satu kenyataan, di sini, hari ini.

Menurut Fauzi, beliau tidak mengira portfolio yang akan disandang nanti kerana yang penting, mahu menjalankan tugas dengan amanah dan jujur.

"Saya juga berterima kasih kepada Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob dan Umno negeri kerana di bawah kepimpinannya, ramai Ahli Parlimen dari Pahang mendapat tempat dalam Kerajaan Pusat," katanya.

(END)